

# Mangsa seks rela henti kerja

Oleh Nazura Ngah

BH 17/10/00

KUALA TERENGGANU, Isnin - Sikap malu dan enggan mendedahkan perlakuan rakan sekerja lelaki, mendorong pekerja wanita memilih berhenti kerja menyebabkan kes gangguan seksual di tempat kerja tidak dapat diatasi.

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Dr Syed Muhamad Syed Abdul Kadir, berkata ramai pekerja wanita mengambil keputusan demikian kerana tidak sanggup menerima dan menanggung malu akibat gangguan berkenaan.

Katanya, tindakan itu sebenarnya meningkatkan pengaliran keluar masuk pekerja, menjejaskan pengeluaran dan meningkatkan kos selain mangsa terpaksa melalui gangguan emosi, mental dan sekali gus kesihatan fizikalnya.

Syed Muhamad berkata, keadaan itu adalah satu penghinaan terhadap mangsa

**Gangguan seksual adalah satu tindakan diskriminasi jantina yang bertentangan dengan prinsip layanan saksama di antara pekerja lelaki dan wanita**

dan jika dilihat dari sudut lain, gangguan seksual adalah satu tindakan diskriminasi jantina yang bertentangan dengan prinsip layanan saksama di antara pekerja lelaki dan wanita.

Sehubungan itu katanya, langkah paling berkesan mengatasi masalah itu ialah membanterasnya di peringkat organisasi. Tindakan perlu diambil dengan serta merta dan diselesaikan sebelum berlarutan.

"Pembentukan mekanisme pencegahan dan pemulihan dalam dan di tempat kerja adalah pendekatan terbaik untuk memerangi gangguan berkenaan," katanya.

Beliau berkata, rasa malu, bimbang dengan tanggapan rakan sekerja, bimbang dijadikan bahan sindiran, tiada tempat mengadu serta takut kehilangan pekerjaan menyebabkan ramai mangsa tidak mahu merujuk kes mereka kepada pihak berkuasa.

Katanya, kementerian menyediakan dan memperkenalkan kod amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja yang mengandungi garis panduan mengenai penubuhan, pembentukan dan pelaksanaan mekanisme dalam bagi menangani masalah gangguan seksual di tempat kerja.